



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 5 Februari 2024



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Dana RM8.7 juta sasar 600 Jualan Rahmah di Johor

JOHOR BAHRU – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) memperuntukan kira-kira RM8.7 juta pemberian subsidi menerusi Jualan Rahmah tahun ini.

Pengarah KPDN Johor, Lilis Sasliinda Pornomo berkata, KPDN menyasarkan untuk mengadakan lebih 600 Jualan Rahmah di 26 kawasan Parlimen di Johor.

Katanya, ia tidak termasuk

dengan Jualan Rahmah secara istimewa yang diadakan sempena musim perayaan seperti yang dijalankan ketika ini di tiga lokasi terpilih sempena Tahun Baharu Cina.

"Pada bulan lalu, kita telah mengadakan 26 Jualan Rahmah bergerak di 26 lokasi yang memberikan potongan harga kepada barangan makanan dan keperluan terpilih.

"Bulan ini, kita berhasrat

menggandakan penganjuran kepada 52 program di 26 lokasi terpilih dalam memberi manfaat kepada penduduk setempat," katanya.

Beliau ditemui selepas majlis perasmian program Jualan Rahmah Tahun Baharu Cina di Flat Taman Ungku Tun Aminah, di sini semalam.

Sempena sambutan Tahun Baharu Cina, KPDN Johor mengadakan Jualan Rahmah secara

outdoor di lokasi ramai komuniti Cina seperti di Muar, Flat Taman Ungku Tun Aminah, di sini dan di Chamek, Kluang.

Lilis Sasliinda berkata, KPDN juga akan mengadakan Jualan Rahmah istimewa sempena musim perayaan lain seperti Hari Raya Aidilfitri, Deepavali dan Hari Natal.

Jelasnya, setiap penganjuran program sempena musim perayaan itu, pihaknya memperu-

tukan pemberian subsidi lebih RM100,000 bagi setiap program.

"Sekiranya kita memperoleh peruntukan termasuk daripada lebih dan penjimatan yang dilakukan, kita akan mengadakan lebih banyak program Jualan Rahmah secara bergerak.

"Kita akan habiskan peruntukan untuk bagi membolehkan rakyat di negeri ini dapat menikmati penjimatan yang ditawarkan," katanya.

Increased allocation for Jualan Rahmah programme in Johor

By **REMAR NORDIN**

remar.nordin@thestar.com.my

JOHOR BARU: Allocation for the Jualan Rahmah programme, which will be continued this year in Johor due to strong public demand, has been increased, says the state Domestic Trade and Cost of Living Ministry.

Programme director Lilis Saslinda Pornomo said the allocation had been increased from RM6.8mil in 2023 to RM8.7mil this year due to strong demand for more daily necessities sold at discounted prices under the programme.

"We have set a target of holding more than 600 Jualan Rahmah programmes in all 26 parliamentary constituencies throughout Johor.

"Just last month, we did 26 Jualan Rahmah programmes. Throughout February, we aim to double them to 52," she said.

The ministry, she added, held a total of 920 programmes in Johor last year where it received an overwhelming public response.

She said the ministry would also be conducting mobile programmes this year.

"Many prefer mobile Jualan Rahmah compared to the ones held indoors as it will allow us to reach out to those living in hard to reach locations," she added.

"We are planning to conduct nine indoor Jualan Rahmah programmes for Chinese New Year, Hari Raya Aidilfitri, Deepavali and Christmas," said Lilis.

Asked whether they would overlap with the state government's own initiative, Jualan Kasih Johor, Lilis said there was no issue as long as more people in need were being helped.

"The main focus of the Jualan Rahmah programme and Jualan Kasih Johor is to help poor families ease their burden," she said.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harga sayur meningkat hingga RM4 sekilogram

Bekalan kurang akibat rosak susulan banjir punca harga naik

Oleh Mohd Roji Kawi, Azhar Shahrulnizam dan Hidayatidayu Razali
bhnews@bh.com.my

Hulu Langat: Harga sayur-sayuran di pasar meningkat antara 50 sen hingga RM4 sekilogram dipercayai berpunca kekurangan bekalan disebabkan rosak akibat banjir yang melanda.

Tinjauan di Pasar Pagi Semenyih, di sini, mendapati antara sayur yang mengalami kenaikan harga adalah kacang buncis yang kini dijual RM18 sekilogram, berbanding RM16 sebelum ini, selain cili merah kulai, kacang bendi, ubi kentang dan bawang.

Peniaga sayur, Basril Johan, berkata perniagaan sayurnya terjejas kerana cuaca yang kerap hujan sejak beberapa bulan yang lalu.

"Lumrahnya begitu. Apabila hari hujan, harga sayur terpaksa dinaikkan kerana bekalan terhad kerana ia sukar ditanam. Apabila cuaca panas, harga sayur boleh diturunkan kerana bekalan sentiasa ada.

"Antara sayur yang dinaikkan harga pada minggu ini adalah cili merah. Minggu ini saya jual dengan harga RM22/kg. Minggu lalu hanya RM20. Ketika cuaca baik saya pernah menjualnya dengan harga RM12/kg sahaja," katanya ketika ditemui BH.

Menurutnya, apabila cuaca semakin baik harga sayur tidak akan diturunkan secara mendadak kerana ia akan memberi kesan kepada petani.

"Sebagaimana kita tidak menaikkan harga secara mendadak, perkara yang sama akan berlaku dengan penurunan harga.

"Pernah terjadi harga timun diturunkan sehingga RM1/kg akhirnya terpaksa dibuang kerana bekalan terlalu banyak dan harga terlalu murah. Situasi ini yang menanggung kerugian paling banyak adalah petani," katanya.

Sementara, pengusaha kedai runcit, Petty Yahya, berkata bawang daripada India juga terpaksa dinaikkan sehingga RM10/kg.

"Sebelum ini harganya RM6 sahaja, tetapi disebabkan stok terhad ia semakin mahal jadi kami terpaksa naikan harga.

"Ini adalah bekalan bawang India yang terakhir. Saya mula menjual bawang dari Myanmar sebagai pengganti dengan harga RM9/kg," katanya yang memperolehi bekalan dari pasar borong.

Di Kuching, Harga barang keperluan utamanya sayuran di



Harga beberapa jenis sayur di Pasar Besar Siti Khadijah, Kota Bharu naik sejak dua minggu lalu.

(Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

Sebelum ini harganya cuma RM6 tetapi disebabkan stok terhad ia semakin mahal jadi kami terpaksa naikan harga

Petty Yahya,
Pengusaha
kedai runcit



bandar raya ini didapati meningkat sehingga RM3 berbanding sebelum ini.

Cuaca tak menentu

Keadaan cuaca tidak menentu ketika musim tengkujuh yang dijangka berlarutan sehingga bulan depan dikatakan antara faktor penyumbang kenaikan harga sayuran itu.

Tinjauan di beberapa pasar sekitar bandar raya ini mendapati harga kacang bendi kini dijual antara RM9.50 hingga RM10/kg berbanding RM7 hingga RM8 sebelum ini.

Kacang buncis pula dijual RM13/kg berbanding antara



Harga bawang di pasar raya sekitar Kuala Lumpur naik susulan kekurangan bekalan.

(Foto Saifullizan Tarnadi/BH)

RM9.50 hingga RM10 sekilogram sebelum ini.

Terung pula sebelum ini berharga antara RM10 hingga RM10.60/kg kini dijual RM12.

Sementara itu, harga bawang merah kini dijual RM10/kg berbanding RM7 hingga RM8 dalam minggu lalu.

Ubi kentang pula naik sedikit iaitu RM3 sekilogram, berbanding RM2.90 sebelum ini.

Di Kota Bharu, Harga beberapa jenis sayur-sayuran di daerah ini naik lebih 10 peratus sejak dua minggu lalu berikutan kekurangan bekalan dan permintaan tinggi.

Tinjauan di Pasar Besar Siti

Khadijah di sini, mendapati harga kacang panjang naik daripada RM5 kepada RM8 sekilogram; lada merah besar RM12 kepada RM18/kg; lada solok daripada RM16 kepada RM27/kg; cili padi merah daripada RM12 kepada RM14/kg dan terung daripada RM5 kepada RM9/kg.

Peniaga, Maryana Mat Ripin, 37, berkata selain sayuran, pengguna turut terbeban dengan kenaikan harga bawang merah iaitu kini dijual RM9/kg dan bawang putih RM9/kg.

Katanya, harga sayur naik kerana bekalan tempatan kurang dan pemborong terpaksa mengambil bekalan dari negara jiran.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 5 FEBRUARI 2024

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
5-Feb	Penyasaran semula subsidi diesel: KPDN bincang dengan Sabah, Sarawak	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/penyasaran-semula-subsidi-diesel-kpdn-bincang-dengan-sabah-sarawak-456573	ASTRO AWANI
5-Feb	Penyasaran semula subsidi diesel: KPDN bincang dengan Sabah, Sarawak	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2267742#google_vignette	BERNAMA
5-Feb	Penyasaran semula subsidi diesel: KPDN bincang dengan Sabah, Sarawak	https://www.tvsarawak.my/2024/02/02/penyasaran-semula-subsidi-diesel-kpdn-bincang-dengan-sabah-sarawak-456573	TV SARAWAK
5-Feb	KPDN bincang penyasaran semula subsidi diesel di Sabah, Sarawak	https://www.sinarharian.com.my/article/647578/berita/nasional/kpdn-bincang-penyasaran-semula-subsidi-diesel-di-sabah-sarawak	SINAR HARIAN
5-Feb	Tiada aduan kekurangan barangan keperluan menjelang perayaan Tahun Baharu Cina	https://www.kosmo.com.my/2024/02/02/tiada-aduan-kekurangan-barangan-keperluan-menjelang-perayaan-tahun-baharu-cina	KOSMO
5-Feb	Bawang putih, halia tua antara 11 barangan dikawal harga sepanjang Tahun Baharu Cina	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/02/1056843/bawang-putih-halia-tua-antara-11-barangan-dikawal-harga-sepanjang-tahun-baharu-cina	HARIAN METRO
5-Feb	11 barangan dalam Skim Harga Maksimum Tahun Baharu Cina	https://www.buletintv3.my/nasional/11-barangan-dalam-skim-harga-maksimum-tahun-baharu-cina/	BULETIN TV3
5-Feb	11 jenis barangan diwarta SHMMP Tahun Baru Cina 2024 bermula 6 Feb ini	https://sabahmedia.com/2024/02/02/11-jenis-barangan-diwarta-shmmp-tahun-baru-cina-2024-bermula-6-feb-ini	SABAH MEDIA

5-Feb	CNY food price controls in place from Feb 6 to 14	https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/02/02/cny-food-price-controls-in-place-from-feb-6-to-14	THE STAR
5-Feb	KPDN lists 11 items under Maximum Price Scheme for CNY from Feb 6-14	https://themalaysianreserve.com/2024/02/02/kpdn-lists-11-items-under-maximum-price-scheme-for-cny-from-feb-6-14/	THE MALAYSIAN RESERVE
5-Feb	Tahun Baru Cina: 11 barangan disenarai bawah skim harga maksimum	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tahun-baru-cina-11-barangan-disenarai-bawah-skim-harga-maksimum-456553	ASTRO AWANI
5-Feb	KPDN akan laksana subsidi diesel bersasar suku kedua tahun ini	https://www.suarakeadilan.my/post/kpdn-akan-laksana-subsidi-diesel-bersasar-suku-kedua-tahun-ini	SUARA KEADILAN
5-Feb	KPDN Johor peruntuk RM8.7 juta subsidi untuk Jualan Rahmah	https://www.utusan.com.my/berita/2024/02/kpdn-johor-peruntuk-rm8-7-juta-subsidi-untuk-jualan-rahmah/#google_vignette	UTUSAN MALAYSIA
5-Feb	Subsidi RM8.7 juta bagi Jualan Rahmah di Johor	https://www.sinarharian.com.my/article/647883/edisi/johor/subsidi-rm87-juta-jualan-rahmah-di-johor	SINAR HARIAN
5-Feb	RM8.7 juta subsidi bagi 600 Jualan Rahmah di Johor	https://www.kosmo.com.my/2024/02/04/rm8-7-juta-subsidi-bagi-600-jualan-rahmah-di-johor/	KOSMO
5-Feb	RM8.7 juta pemberian subsidi menerusi Jualan Rahmah	https://malaysiagazette.com/2024/02/04/rm8-7-juta-pemberian-subsidi-menerusi-jualan-rahmah/	MALAYSIA GAZETTE

5-Feb	Over RM8mil allocated for Rahmah sales programme in Johor this year	https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/02/04/over-rm8mil-allocated-for-rahmah-sales-programme-in-johor-this-year	THE STAR
5-Feb	Hui Sing Garden latest venue of Rahmah programme jointly run by DAP Stampin, KPDN	https://www.theborneopost.com/2024/02/05/hui-sing-garden-latest-venue-of-rahmah-programme-jointly-run-by-dap-stampin-kpdn/	THE BORNEO POST
5-Feb	KPDN Officers Nabs Driver in Perak For Smuggling Diesel With His Truck	https://worldofbuzz.com/kpdn-officers-nabs-driver-in-perak-for-smuggling-diesel-with-his-truck/	WORLD OF BUZZ
5-Feb	KPDN Officers Nabs Driver in Perak For Smuggling Diesel With His Truck	https://newswav.com/article/kpdn-officers-nabs-driver-in-perak-for-smuggling-diesel-with-his-truck-A2402_QNpa28	NEWS WAV